

Penataan ruang kediaman tidak hanya tertumpu pada pemilihan perabot dan hiasan dalaman semata-mata.

Dinding dan siling dalam pada setiap ruang turut memainkan peranan penting kerana menjadi pelengkap selain mengubah suasana.

Biasanya cat dan kertas dinding menjadi pilihan dengan pelbagai rekaan serta material dihasilkan bagi memberi kelainan atau mengikut cita rasa pemilik kediaman.

Berbeza pula di Syria, kemasan dinding dan siling rumah diberi tumpuan terperinci apabila hasil kerja tangan dikenali sebagai 'Ajami' memenuhi ruang kediaman supaya kelihatan lebih eksklusif.

Menyingkap sejarahnya, rekaan pada ruang dalaman buatan tangan sepenuhnya itu sudah mula dihasilkan sejak abad ke-16. Kemudian mula mendapat perhatian dan popular pada abad ke-17.

Lebih menarik, hasil kerja halus itu dikatakan mampu bertahan hingga 400 tahun jika dijaga dengan sempurna.

Bagi yang belum pernah mendengar istilah 'Ajami', ia adalah hasil seni popular dari Syria yang menampilkan huruf



Di Syria, ia menjadi pilihan golongan atasan dan kerja tangan itu dianggap lambang kebanggaan serta aset kerana mempunyai nilai yang tinggi



KEMASAN dinding dan siling Ajami mengambil masa sekitar satu hingga tiga bulan untuk disiapkan mengikut saiz dinding.

■ KEMASAN AJAMI

HASIL SENI MAMPU BERTAHAN 400 TAHUN

Arab dan motif bunga-bunga di atas kayu.
Huruf Arab dan corak bunga biasanya timbul bagi membezakan antara

Huruf Arab, corak bunga biasanya timbul bagi membezakan antara latar serta corak malah tekstur boleh disentuh



ANTARA kemasan dinding yang sudah siap sepenuhnya.



ZIAD antara sebilangan kecil sifu yang menguasai teknik penghasilan Ajami di Syria.



AJAMI mengetengahkan pelbagai corak bunga antaranya bunga lili.

latar serta corak sekaligus menjadikan ia bukan saja menarik malah boleh disentuh teksturnya.

Antara corak bunga yang sering dilukis termasuk teratai dan lili nan sebarang corak boleh diketengahkan mengikut cita rasa.

Petikan ayat al-Quran dan kalimah Allah semasa Muhammad SAW turut selitkan pada karya kanvas dan dinding itu tapi susun letaknya pada bahagian yang tidak mudah dicapai.

Peluang menemui pakar pembuat Ajami yang berasal dari Syria dan sudah berpindah kini menetap di Malaysia, menjadi pengalaman paling bermakna buat penulis.

Pemilik syarikat Damascene Art Sdn Bhd, Abdulraouf Baydoun meneruskan kepakarannya yang dimiliki sejak dua

Menurut Ziad, warisan dan budaya dari negaranya itu mempunyai keunikan tersendiri selain hany

lima orang 'sifu' atau pakar yang menguasai teknik penghasilannya.

"Ajami bukan sekadar hiasan dalaman atau kemas dinding kediaman semata-mata tapi ia berada pada satu tahap begitu eksklusif.

"Di Syria, ia menjadi pilihan golongan atasan dan kerja tangan itu dianggap lambang kebanggaan serta aset kerana mempunyai nilai yang tinggi.

"Ini kerana proses pembuatan yang rumit, teliti dan hasil pembuatan tangan sepenuhnya membuatkan pemilik kediaman begitu menghargai seninya," katanya yang bangga kerana bapanya juga antara pakar Ajami di Syria.

Ziad berkata, walaupun seni kemas dinding berkenaan masih kurang dikenali di negara ini, namun beliau giat menghasilkan dan

memperkenalkan produk warisan Syria itu.

"Meninggalkan tanah air untuk membina hidup baru di sini bukan mudah kerana kami tidak mempunyai apa-apa.

"Warisan Ajami inilah yang kami bawa bukan saja untuk meneruskan legasi tapi bagi memperkenalkan budaya yang kian dilupakan ini," katanya.

Menariknya selain kemas dinding dan siling, Ziad turut menghasilkan pelbagai produk hiasan dalaman lain seperti lukisan, perabot serta cenderamata.

Maklumat lanjut berkenaan Ajami yang dihasilkan Ziad dan keluarga boleh layari laman www.baydown-sy.com.

Anda juga boleh kunjungi kedai dan bengkel yang terletak di Blok C, Lot G10 Platinum Hill Condominium PV6, Jalan Taman Melati, Taman Melati Kuala Lumpur.




ZIAD mewarnai kepakaran
bapanya dalam
menghasilkan Ajami.

UNIT RUJUKAN DAN DOKUMEN
DITERIMA
14 JAN 2017
U.R.D
M.B.P.J.

Hantaran netro
1411/17
mls 3

ZIAD menunjukkan antara
kemasan dinding yang
dihasilkan di bengkelnya.

WARNA yang
digunakan
adalah warna
asli dan halal
berasaskan
serbuk dan
dicampur
dengan minyak
sebelum
bertukar
menjadi warna
cecair.



ANTARA kemasan siling yang masih
dalam proses pengeringan sebelum
ditambah beberapa lapisan warna.



CONTOH ruang kediaman
yang dihiasi kemasan dinding
dan siling Ajami di Syria.



KOTAK Ajami
turut mencuri
tumpuan.